



KERAJAAN MALAYSIA

**Peruntukan dan Perakaunan Perbelanjaan,
Terimaan dan Akaun Amanah Tahun 2020
Berikutan Penyusunan Semula
Kementerian**

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN**PB 3.4 Peruntukan dan Perakaunan Perbelanjaan, Terimaan dan Akaun Amanah Tahun 2020 Berikutan Penyusunan Semula Kementerian**

1. Tujuan	3
2. Latar Belakang.....	3
3. Pengurusan Perbelanjaan	3
4. Pengurusan Terimaan.....	4
5. Pengurusan Akaun Amanah.....	4
6. Pengurusan Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).....	5
7. Pengurusan Perolehan	5
8. Pengurusan Waran Peruntukan	6
9. Tarikh Kuat Kuasa	6
Lampiran A	

PB 3.4 Peruntukan dan Perakaunan Perbelanjaan, Terimaan dan Akaun Amanah Tahun 2020 Berikutan Penyusunan Semula Kementerian

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan menjelaskan peraturan mengenai pengurusan peruntukan dan perakaunan bagi perbelanjaan, terimaan dan akaun amanah untuk tahun 2020 berikutan penyusunan semula kementerian berkuat kuasa mulai 10 Mac 2020.

2. Latar Belakang

2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2020 telah memutuskan penyusunan semula senarai agensi di bawah setiap kementerian melibatkan penyusunan dan penamaan semula beberapa buah kementerian yang berkenaan seperti di **Lampiran A**.

2.2 Selaras dengan keputusan di atas, Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2020 akan dibentangkan pada sesi mesyuarat Parlimen yang akan datang.

3. Pengurusan Perbelanjaan

3.1 Selaras dengan tatacara penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* perlu mengakaun dan melaporkan peruntukan dan perbelanjaan kementerian yang terlibat dengan penyusunan semula seperti berikut:

3.1.1 Perbelanjaan yang berpunca daripada transaksi yang berlaku dari 1 Januari hingga 30 April 2020 hendaklah diakaun dan dilaporkan di bawah Maksud *Kementerian Penyerah Tugas*; dan

3.1.2 Perbelanjaan yang berpunca daripada transaksi yang berlaku dari 1 Mei hingga 31 Disember 2020 hendaklah diakaun dan dilaporkan di bawah Maksud *Kementerian Penerima Tugas*.

3.2 Selaras dengan tindakan di perenggan 3.1 dan bagi memastikan semua urusan Kerajaan berjalan dengan lancar serta teratur, Pegawai Pengawal kementerian terlibat hendaklah memastikan dan mengambil tindakan berikut:

3.2.1 Merekod dan mengakaunkan semua bayaran/perbelanjaan yang telah/akan dibelanjakan di bawah Maksud *Kementerian Penyerah Tugas* dari 1 Januari hingga 30 April 2020;

- 3.2.2 Merekod dan mengakaunkan semua peruntukan termasuk emolumen yang belum dibelanjakan di bawah Maksud *Kementerian Penerima Tugas* mulai 1 Mei hingga 31 Disember 2020; dan
- 3.2.3 Memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan ketetapan seperti di perenggan 3.2.1 dan 3.2.2 oleh *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas*.

4. Pengurusan Terimaan

- 4.1 Pegawai Pengawal *Kementerian Penerima Tugas* hendaklah melantik Pegawai Pemungut bagi fungsi yang diambil alih daripada *Kementerian Penyerah Tugas* dengan memastikan dan mengambil tindakan berikut:
- 4.1.1 Merekod dan mengakaunkan semua terimaan dari 1 Januari hingga 30 April 2020 di bawah Maksud *Kementerian Penyerah Tugas*;
- 4.1.2 Merekod dan mengakaunkan semua terimaan dari 1 Mei hingga 31 Disember 2020 di bawah Maksud *Kementerian Penerima Tugas*; dan
- 4.1.3 Memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan ketetapan seperti di perenggan 4.1.1 dan 4.1.2 oleh *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas*.

5. Pengurusan Akaun Amanah

- 5.1 Pegawai Pengawal yang terlibat dengan penyusunan semula Kementerian adalah bertanggungjawab untuk memastikan dan mengambil tindakan berikut:
- 5.1.1 Menyemak semula dan mengemas kini Surat Ikatan Amanah/Arahan Akaun Amanah sedia ada supaya selari dengan ketetapan penyusunan semula Kementerian yang telah diputuskan oleh Kerajaan. Pengemaskinian tersebut hendaklah tidak mengubah tujuan dan maksud penubuhan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah berkenaan;
- 5.1.2 Mengemukakan cadangan pindaan Surat Ikatan Amanah/Arahan Akaun Amanah yang telah dipinda dan dikemas kini kepada Perbendaharaan dengan segera untuk kelulusan; dan

- 5.1.3 Menyelaras semua urusan pengemaskinian Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah yang berkaitan oleh *Kementerian Penyerah Tugas* yang diserahkan kepada *Kementerian Penerima Tugas* mulai 1 Mei 2020.

6. Pengurusan Projek Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)

- 6.1 Pegawai Pengawal yang terlibat dengan penyusunan semula Kementerian ini adalah bertanggungjawab memastikan semua projek PFI hendaklah dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dengan mengambil tindakan seperti berikut:
- 6.1.1 Merekod dan mengakaunkan semua perbelanjaan dan terimaan dari 1 Januari hingga 30 April 2020 di bawah Maksud *Kementerian Penyerah Tugas*;
- 6.1.2 Merekod dan mengakaunkan semua perbelanjaan terimaan dari 1 Mei hingga 31 Disember 2020 di bawah Maksud *Kementerian Penerima Tugas*;
- 6.1.3 Memastikan Laporan Perakaunan adalah teratur selaras dengan ketetapan seperti di perenggan 6.1.1 dan 6.1.2 oleh *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas*; dan
- 6.1.4 Mengemas kini maklumat semua projek PFI yang terlibat di dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) oleh *Kementerian Penyerah Tugas* dan *Kementerian Penerima Tugas* dengan sewajarnya.

7. Pengurusan Perolehan

- 7.1 Lembaga Perolehan kementerian adalah terbatal bagi kementerian yang dibubarkan. Perolehan yang sedang diuruskan oleh *Kementerian Penyerah Tugas* dan masih belum dipertimbangkan, hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Perolehan *Kementerian Penerima Tugas* tertakluk kepada pewartaan dalam Warta Kerajaan Persekutuan.
- 7.2 Bagi perolehan yang dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dan belum menandatangani Surat Setuju Terima (SST) atau Perjanjian, Agensi hendaklah dengan segera mendapatkan perwakilan kuasa daripada Menteri di *Kementerian Penerima Tugas* untuk tandatangan SST, kontrak baharu atau Perjanjian Tambahan (*Supplementary Agreement*).

- 7.3 Pentadbiran kontrak bagi kontrak perolehan/projek yang terlibat dalam penguntukan semula hendaklah dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dengan mengambil tindakan sewajarnya mengikut klausa yang termaktub di dalam kontrak (contohnya, pengeluaran surat pemakluman perubahan pentadbir kontrak atau Pegawai Penguasa) serta membuat rujukan kepada Penasihat Undang-Undang masing-masing.
- 7.4 Perancangan perolehan tahunan bagi sektor/skop yang terlibat dalam penguntukan semula hendaklah dipindahkan daripada *Kementerian Penyerah Tugas* kepada *Kementerian Penerima Tugas* dan dibuat pindaan sewajarnya.
- 7.5 Perolehan yang telah dikeluarkan Pesanan Kerajaan/Inden Kerajaan/Surat Setuju Terima/Perjanjian dan telah menerima perkhidmatan/perbekalan oleh *Kementerian Penyerah Tugas* sebelum 30 April 2020, hendaklah diselesaikan urusan pembayaran di kementerian yang sama bagi memastikan semua urusan adalah sempurna dan teratur.

8. Pengurusan Waran Peruntukan

Pegawai Pengawal *Kementerian Penyerah Tugas* hendaklah menarik balik baki peruntukan yang telah diagihkan kepada mana-mana Pusat Tanggungjawab bagi membolehkan Waran Sekatan diproses untuk diperuntukkan semula kepada *Kementerian Penerima Tugas*.

9. Tarikh Kuat Kuasa

Pekeliling ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 10 Mac 2020 dan tertakluk kepada pindaan serta keputusan semasa Kerajaan.

Senarai Kementerian Yang Terlibat Dalam Penyusunan Semula Kementerian 2020

Maksud Bekalan	Kementerian Penyerah Tugas	Jabatan / Agensi	Maksud Bekalan	Kementerian Penerima Tugas
B/P.10	Kementerian Kewangan	Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur (ECERDC) Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Koridor Wilayah Sabah (SEDIA)		
B/P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	Unit Perancang Ekonomi (UPE) Malaysia Petroleum Resources Corporation Berhad (MPRC) MyHSR Corporation Sdn Bhd Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Research Management Agency (RMA) Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (SEDCs) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) FGV Holdings Berhad Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera Yayasan Ekuiti Nasional	B/P.6	Jabatan Perdana Menteri
B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan Penjawat Awam (PPA)		
B/P.46	Kementerian Sumber Manusia	Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	B/P.10	Kementerian Kewangan
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Khazanah Nasional Berhad (Khazanah)		
B/P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	Amanah Raya Berhad (AMANAHRAYA) Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) JKP Sdn Bhd	B11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang	B/P.14	Kementerian Perpaduan Negara
B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Bahagian Kampung Baru		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)		
B/P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA)	B/P.22	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
B/P.23	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Lembaga Ahli Geologi Malaysia Lembaga Jurukur Tanah (LJT) Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Timah Lembaga Ahli Geologi Malaysia Lembaga Jurukur Tanah (LJT) Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Timah	B/P.23	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
B/P.30	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	Yayasan Hijau (YaHijau) Malaysia Programme Office for Power Electricity Reform (MyPower) Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA Malaysia) Suruhanjaya Tenaga (ST)		
B/P.15	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	Halal Development Corporation	B/P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	B/P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

Senarai Kementerian Yang Terlibat Dalam Penyusunan Semula Kementerian 2020

Maksud Bekalan	Kementerian Penyerah Tugas	Jabatan / Agensi	Maksud Bekalan	Kementerian Penerima Tugas
B/P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC)		
B/P.6	Jabatan Perdana Menteri	Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) NanoMalaysia Berhad (NanoMalaysia) National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) Institut Kimia Malaysia (IKM) Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia) Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) Planetarium Negara Pusat Sains Negara (PSN) Akademi Sains Malaysia (ASM) Agensi Nuklear Malaysia (NUKLEAR Malaysia) MYSA Malaysia Crops for the Future Research Centre (CFFRC) Cradle Fund Sdn Bhd Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd Malaysia Debt Ventures Berhad (MDVB) Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB) Inno Bio Ventures Sdn Bhd (IBV) Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) Yayasan Angkasawan Malaysia (YAM)	B/P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
B/P.30	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim			
B/P.24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	MIMOS Berhad		
B/P.47	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	Malaysia Digital Economy Corporation Sdn Bhd (MDeC)		
B/P.23	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP) Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)	B/P.33	Kementerian Alam Sekitar dan Air
B/P.30	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Jabatan Biokeselamatan Malaysian Green Techology Corporation (Green Tech Malaysia)		
B/P.10	Kementerian Kewangan	Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)	B/P.42	Kementerian Kesihatan
B/P.32	Kementerian Wilayah Persekutuan	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) Jabatan Landskap Negara (JLN)	B/P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
B/P.63	Kementerian Pendidikan	Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPKK) Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Universiti Malaya (UM) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Universiti Sains Malaysia (USM) Universiti Putra Malaysia (UPM) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Universiti Utara Malaysia (UUM) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Hospital Canceledor Tunku Mukhriz (PPUKM) Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Pusat Perubatan Universiti Putra Malaysia (PPUPM) Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) Education Malaysia Global Services (EMGS) Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Yayasan Sukarelawan Siswa Malaysia (YSS)	B/P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi